

ANALISIS KEBOLEHPERCAYAAN DAN KESAHAN AWAL KONSTRUK INSTRUMEN PEMBANGUNAN BELIA POSITIF DALAM KALANGAN BELIA SAMA-BAJAU DI SABAH.

*Norsimah Dasan¹, Jakaria Dasan², Lailawati Madlan @Endalan³, Norkiah Arsat⁴

Mohd Mahadzir Rahimi Bin Mohamed Naw⁵

^{1,2}Fakulti Psikologi dan Kerja Sosial, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

³Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

⁴Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

⁵Maktab Rendah Sains Mara, Kota Kinabalu, Sabah

*Corresponding email : norsimahdasan@ums.edu.my

Abstrak: Kajian ini bertujuan menilai kebolehppercayaan dan bukti awal kesahan konstruk *Positive Youth Development Inventory* versi Bahasa Melayu (PYDI-M) dalam kalangan belia Sama-Bajau di Sabah, Malaysia. Kajian berbentuk kuantitatif menggunakan reka bentuk tinjauan keratan rentas telah dijalankan melibatkan 500 orang belia Sama-Bajau yang dipilih melalui pensampelan rawak mudah. Instrumen kajian telah diadaptasi daripada *Positive Youth Development Inventory* (PYDI). Soal selidik mengandungi 48 item berbentuk pernyataan positif menggunakan skala Likert lima mata. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 30.0. Dapatan menunjukkan nilai kebolehppercayaan keseluruhan yang tinggi (Cronbach's $\alpha = .89$). Analisis korelasi Pearson menunjukkan semua julat konstruk mempunyai kesahan konstruk yang signifikan iaitu Kompetensi ($r = .470-.596$, $p < .001$), Karakter ($r = .431-.616$, $p < .001$), Hubungan ($r = .413-.643$, $p < .001$), Prihatin ($r = .558-.615$, $p < .001$) dan Keyakinan ($r = .425-.675$, $p < .001$). Kesemua julat konstruk turut menunjukkan hubungan yang tinggi dan signifikan dengan skor keseluruhan IPBP ($r = .724-.833$, $p < .001$). Dapatan ini menyokong kesesuaian model 5C Pembangunan Belia Positif dalam konteks budaya belia Sama-Bajau di Sabah. Kajian ini menyumbang kepada pengembangan literatur pembangunan belia positif dalam komuniti etnik Sama-Bajau serta menyokong PYDI-M merupakan instrumen yang sesuai dan boleh dipercayai untuk menilai kekuatan dan potensi belia dalam konteks tempatan.

Kata Kunci : Psikometrik, Pembangunan Belia Positif, Belia Sama-Bajau, Kebolehppercayaan, Kesahan Konstruk.

Abstract: This study aimed to examine the reliability and construct validity of the *Positive Youth Development Inventory Malay version (PYDI-M)* among Sama-Bajau youths in Sabah, Malaysia. A quantitative study employing a cross-sectional survey design was conducted, involving 500 Sama-Bajau youths selected through simple random sampling. The research instrument was adapted from the *Positive Youth Development Inventory (PYDI)*. The questionnaire consisted of 48 positively worded items measured using a five-point Likert scale. Data were analysed using SPSS Version 30.0. The findings indicated high overall reliability (Cronbach's $\alpha = .89$). Pearson correlation analysis showed that all construct dimensions demonstrated significant construct validity: Competence ($r = .470-.596$, $p < .001$), Character ($r = .431-.616$, $p < .001$), Connection ($r = .413-.643$, $p < .001$), Caring ($r = .558-.615$, $p < .001$), and Confidence ($r = .425-.675$, $p < .001$). All construct dimensions also showed strong and significant correlations with the overall PYDI score ($r = .724-.833$, $p < .001$). These findings support the suitability of the Five Cs Positive Youth Development model within the cultural context of Sama-Bajau youths in Sabah. This study contributes to the expansion of the positive youth development literature within the Sama-Bajau ethnic community and confirms that the PYDI-M is a valid and reliable instrument for assessing youths' strengths and potential in the local context.

Keywords: Psychometrics, Positive Youth Development, Sama-Bajau Youth, Reliability, Construct Validity.

PENGENALAN

Belia merupakan aset strategik negara dan pemacu utama pembangunan sosial serta ekonomi. Di Malaysia, takrif belia berdasarkan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia menetapkan lingkungan umur belia antara 15 hingga 30 tahun (Dasar Belia Malaysia 2015). Golongan ini mewakili sebahagian besar populasi negara dan memainkan peranan penting dalam agenda pembangunan mampan. Pendekatan tradisional yang melihat belia sebagai kelompok berisiko kini beralih kepada perspektif kekuatan menerusi kerangka *Positive Youth Development* (PYD) oleh Learner et al. (2006) yang menekankan potensi, aset dalaman, serta persekitaran sokongan dalam membentuk perkembangan optimum belia. Di Malaysia, pendekatan ini selari dengan aspirasi Dasar Belia Malaysia yang menekankan pembangunan holistik merangkumi aspek kepimpinan, kesejahteraan psikologi, dan penyertaan komuniti.

Kerangka PYD menegaskan bahawa perkembangan positif belia dapat difahami melalui model 5C, iaitu Kompeten (*Competence*), Karakter (*Character*), Hubungan (*Connection*), Prihatin (*Caring*), dan Keyakinan (*Confidence*) (Lerner et al., 2005). Model ini menekankan bahawa belia yang menunjukkan tahap tinggi dalam kelima-lima konstruk ini berpotensi menyumbang kepada “C” keenam, iaitu Contribution (Sumbangan) kepada masyarakat. Kajian longitudinal seperti 4-H Study of Positive Youth Development di Amerika Syarikat menunjukkan bahawa pengukuhan 5C berkait secara signifikan dengan pengurangan tingkah laku berisiko serta peningkatan kesejahteraan dan penglibatan sivik. Justeru, pengukuran konstruk 5C menjadi asas penting dalam menilai tahap pembangunan belia secara empirikal.

Bagi mengukur konstruk PYD secara sistematik, *Positive Youth Development Inventory* (PYDI) telah dibangunkan berasaskan model 5C oleh Richard M. Lerner dan penyelidik berkaitan. Inventori ini telah diuji dalam pelbagai konteks budaya termasuk di Amerika Syarikat, Eropah dan beberapa negara Asia, dengan dapatan menunjukkan kebolehpercayaan dan kesahan konstruk yang memuaskan. Kajian rentas budaya mendapati struktur lima faktor adalah relatif stabil, namun terdapat variasi dari segi kekuatan konstruk tertentu bergantung kepada konteks sosio-budaya. Di Malaysia, kajian berkaitan PYD masih berkembang dan kebanyakannya memfokuskan kepada populasi pelajar sekolah atau universiti arus perdana, manakala penggunaan instrumen PYDI secara khusus masih terhad dan kurang dilaporkan dalam jurnal tempatan berstatus MyCite atau Scopus.

Atas kapasiti rentas budaya, PYDI belum dapat dipastikan konsistensinya pada etnik di Sabah khususnya dalam kalangan etnik Sama-Bajau. Etnik ini merupakan salah satu kumpulan peribumi utama di Sabah yang mempunyai latar sejarah, budaya, dan struktur komuniti tersendiri. Mereka terkenal sebagai masyarakat maritim dengan identiti budaya yang kuat serta sistem nilai berasaskan kekeluargaan dan komuniti. Walau bagaimanapun, sebahagian komuniti Sama-Bajau masih berhadapan cabaran sosioekonomi seperti akses pendidikan, mobiliti sosial, dan keterangkuman pembangunan. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, Sabah merupakan antara negeri yang mempunyai komposisi belia yang tinggi dan didiami oleh pelbagai kumpulan etnik peribumi termasuk Sama-Bajau. Komuniti Sama-Bajau merupakan antara etnik terbesar di Sabah dan tertumpu di daerah seperti Kota Belud, Tuaran, Papar dan Semporna. Beberapa kajian terdahulu melaporkan bahawa sebahagian komuniti Sama-Bajau masih berhadapan cabaran berkaitan pencapaian pendidikan, peluang pekerjaan dan mobiliti sosial berbanding kumpulan etnik lain. Pada masa yang sama, komuniti ini mempunyai kekuatan budaya yang tersendiri melalui hubungan kekeluargaan yang erat, semangat kolektivisme dan penglibatan komuniti yang tinggi. Ciri-ciri tersebut berpotensi mempengaruhi perkembangan atribut pembangunan belia positif seperti hubungan, prihatin dan karakter. Oleh itu, kajian terhadap pembangunan belia positif dalam kalangan belia Sama-Bajau adalah penting bagi memahami kekuatan dan potensi belia dalam konteks budaya tempatan yang unik. Dalam konteks ini, penilaian tahap pembangunan belia positif dalam kalangan belia Sama-Bajau

adalah penting bagi memastikan pendekatan pembangunan yang inklusif dan sensitif budaya. Namun, pengukuran inventori seperti PYDI dalam konteks budaya tempatan masih belum banyak diterokai.

Sungguhpun kajian antarabangsa menyokong kesahan dan kebolehpercayaan PYDI dalam pelbagai konteks, terdapat jurang ketara dalam literatur tempatan khususnya yang melibatkan belia daripada komuniti etnik seperti Sama-Bajau di Sabah. Hal ini menimbulkan persoalan sama ada item-item dalam PYDI versi Bahasa Melayu (PYDI-M) dapat berfungsi dengan baik apabila digunakan dalam kalangan belia yang mempunyai pengalaman sosial, sistem nilai dan orientasi budaya yang berbeza. Dalam penyelidikan psikometrik, instrumen yang menunjukkan kebolehpercayaan dan kesahan yang baik dalam sesuatu populasi tidak semestinya memberikan dapatan yang sama. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menentukan kebolehpercayaan dalaman serta meneliti kesahan awal yang meliputi hubungan antara item, konstruk dan skor keseluruhan PYDI-M dalam kalangan belia Sama-Bajau di Sabah.

TEORI DAN TINJAUAN LITERATUR

Teori Pembangunan Belia Positif

Pendekatan pembangunan belia positif muncul sebagai respons terhadap perspektif defisit yang melihat belia sebagai kumpulan berisiko. Sebaliknya, pendekatan ini menekankan kekuatan dalaman individu serta interaksi dinamik antara belia dan konteks persekitaran mereka. Antara tokoh utama yang mempelopori kerangka ini ialah Richard M. Lerner yang mengemukakan model 5C sebagai indikator perkembangan belia positif.

Model 5C merangkumi lima konstruk utama, iaitu Kompeten (*Competence*), Keyakinan (*Confidence*), Karakter (*Character*), Hubungan (*Connection*), dan Prihatin (*Caring*). Menurut Lerner et al. (2005), belia yang menunjukkan tahap tinggi dalam kelima-lima konstruk ini berpotensi menunjukkan sikap menyumbang kepada komuniti. Selain kajian 4-H Study, pelbagai penyelidikan antarabangsa turut menyokong kesahan model 5C dalam Positive Youth Development. Kajian di Sepanyol mendapati dimensi karakter dan prihatin bertindak sebagai faktor perlindungan terhadap tingkah laku berisiko dalam kalangan belia (Gomez-Baya et al., 2023). Kajian longitudinal di Slovenia pula menunjukkan perkembangan konstruk 5C berubah secara signifikan sepanjang tahun persekolahan, menandakan sifat dinamik pembangunan belia (Pivec et al., 2023). Dalam konteks kesihatan mental, kajian di Chile menunjukkan 5C berkait secara signifikan dengan kesejahteraan subjektif dan simptom psikologi remaja (Salvo et al., 2025). Di Malaysia, atribut 5C didapati menyumbang secara positif kepada kesejahteraan belia (Muhamad et al., 2024), manakala kajian validasi di Colombia mengesahkan struktur lima faktor model PYD merentas budaya (García et al., 2025).

Secara teorinya, model ini berasaskan perspektif *developmental systems theory* yang menekankan keserasian antara kekuatan individu dan aset persekitaran (Lerner et al., 2005). Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan positif tidak berlaku secara terasing, tetapi bergantung kepada sokongan keluarga, sekolah dan komuniti. Bagi mengoperasionalisasikan konstruk 5C dalam bentuk empirikal, penyelidik telah membangunkan *Positive Youth Development Inventory (PYDI)* berasaskan model teori tersebut. Instrumen ini direka untuk mengukur kelima-lima konstruk 5C secara multikonstruk menggunakan pendekatan psikometrik.

Kajian awal pembangunan instrumen menunjukkan struktur lima faktor yang stabil melalui analisis faktor penerokaan (EFA) dan pengesahan (CFA). Kajian lanjutan turut menguji *measurement invariance* merentas jantina dan kumpulan umur, yang membuktikan kestabilan struktur model 5C dalam pelbagai konteks budaya. Sebagai contoh, kajian longitudinal oleh Bower et al. (2010) menyokong kesahan konstruk model 5C melalui analisis struktur faktor pengesahan.

Dalam konteks Malaysia, Abdul Kadir dan Mohd (2021) mendapati bahawa konstruk 5C mempunyai hubungan signifikan dengan kesejahteraan psikologi, tujuan hidup dan harapan dalam kalangan belia dewasa muda. Dapatan ini menyokong kerelevanan teori PYD dalam konteks budaya Asia Tenggara.

Walau bagaimanapun, penggunaan instrumen PYDI secara khusus dalam konteks komuniti peribumi dan minoriti etnik di Malaysia masih terhad.

Secara sintesis, teori PYD menyediakan asas konseptual manakala PYDI berfungsi sebagai alat pengukuran empirikal. Walaupun model ini menunjukkan kesahan yang konsisten dalam populasi arus perdana, persoalan tentang kesesuaian budaya dalam komuniti tradisional seperti Sama-Bajau masih belum banyak diterokai.

Kajian Lepas Berkaitan PYD dan Konstruk 5C

Kajian antarabangsa secara konsisten menunjukkan bahawa struktur 5C adalah relatif stabil dalam pelbagai negara termasuk Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah. Analisis faktor pengesahan menunjukkan nilai *goodness-of-fit indices* yang memuaskan, serta pekali kebolehpercayaan (Cronbach's alpha) yang tinggi bagi setiap konstruk (Shek, et al, 2022).

Di Asia, kajian PYD semakin berkembang, namun kebanyakannya tertumpu kepada populasi pelajar bandar atau institusi pendidikan formal. Dalam konteks Malaysia, penyelidikan berkaitan pembangunan belia lebih banyak memberi tumpuan kepada kesejahteraan, kepimpinan dan penglibatan sivik, berbanding analisis psikometrik mendalam terhadap instrumen PYDI.

Tambahan pula, kajian yang menilai kesahan konstruk model 5C dalam komuniti peribumi adalah sangat terhad. Struktur nilai dan orientasi komuniti yang lebih kolektif mungkin mempengaruhi tafsiran terhadap konstruk seperti Keyakinan dan Kompeten. Oleh itu, ujian kesahan dan kebolehpercayaan dalam konteks etnik tertentu adalah penting bagi memastikan instrumen tersebut benar-benar mengukur konstruk yang dimaksudkan.

Konteks Belia Sama-Bajau dan Keperluan Kajian

Sabah merupakan negeri yang mempunyai komposisi etnik yang pelbagai, termasuk komuniti Sama-Bajau yang merupakan antara kumpulan peribumi utama. Berdasarkan laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2025), Sabah mempunyai populasi belia yang signifikan berbanding negeri-negeri lain, sekali gus menekankan kepentingan kajian pembangunan belia dalam konteks tempatan.

Komuniti Sama-Bajau secara tradisinya berkait rapat dengan kehidupan maritim dan struktur sosial berasaskan komuniti. Namun, cabaran seperti akses pendidikan, kemiskinan relatif, dan keterpinggiran sosial boleh memberi implikasi terhadap perkembangan psikososial belia. Dalam konteks ini, penilaian empirikal terhadap tahap 5C dalam kalangan belia Sama-Bajau bukan sahaja penting untuk memahami kekuatan mereka, malah bagi mengenal pasti konstruk yang memerlukan intervensi bersasar.

Walaupun model PYD telah diuji secara meluas dalam populasi arus perdana, kajian yang mengaplikasikan PYDI dalam kalangan belia etnik Sama-Bajau masih belum dilaporkan secara sistematik dalam literatur tempatan berstatus MyCite. Jurang ini menimbulkan persoalan tentang kesesuaian struktur faktor, kesahan budaya, dan kebolehpercayaan instrumen dalam konteks komuniti peribumi Sabah.

Berdasarkan sorotan literatur, terdapat dua jurang utama yang dikenal pasti. Pertama, kajian pembangunan belia positif dalam kalangan komuniti peribumi di Sabah, khususnya etnik Sama-Bajau, masih terhad berbanding populasi belia arus perdana. Kedua, penggunaan Positive Youth Development Inventory versi Bahasa Melayu (PYDI-M) dalam komuniti ini masih kurang dilaporkan, sedangkan perbezaan latar budaya dan pengalaman sosial berpotensi mempengaruhi cara responden mentafsir serta memberi respons terhadap item-item instrumen. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan dalaman serta meneliti kesahan awal konstruk iaitu hubungan antara item, konstruk dan skor keseluruhan PYDI-M dalam kalangan belia Sama-Bajau di Sabah.

Dapatan kajian diharapkan dapat menyediakan bukti empirikal awal mengenai kesesuaian penggunaan PYDI-M dalam konteks komuniti peribumi tempatan serta menyumbang kepada pengembangan literatur pembangunan belia positif di Malaysia.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan. Reka bentuk ini dipilih kerana ia sesuai untuk mengukur tahap pembangunan belia secara objektif serta mengenal pasti hubungan antara konstruk yang dikaji dalam populasi yang besar. Pendekatan tinjauan membolehkan pengumpulan data secara sistematik melalui instrumen soal selidik berstruktur.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada belia etnik Sama-Bajau berumur antara 15 hingga 30 tahun di negeri Sabah. Kajian ini melibatkan tiga daerah utama iaitu Kota Belud, Tuaran dan Papar yang mempunyai populasi komuniti Sama-Bajau yang besar. Kaedah persampelan mudah digunakan dalam kajian ini berdasarkan akses dan ketersediaan responden yang memenuhi kriteria kajian. Proses pengumpulan data dijalankan dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah yang terlibat. PPD telah mengenal pasti sekolah-sekolah yang bersesuaian untuk penyertaan dalam kajian, manakala pihak sekolah menentukan kelas-kelas yang boleh terlibat dalam proses pengumpulan data. Selain pengumpulan data di sekolah, soal selidik turut diedarkan secara dalam talian menggunakan platform Google Form bagi meningkatkan capaian kepada belia Sama-Bajau yang berada di luar sistem persekolahan. Pautan soal selidik disebarikan melalui rangkaian komuniti dan individu yang memenuhi kriteria kajian. Melalui kaedah persampelan ini, seramai 500 orang belia Sama-Bajau menjadi responden kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian berbentuk soal selidik iaitu *Positive Youth Development Inventory* versi Bahasa Melayu (PYDI-M) yang telah diadaptasi daripada *Positive Youth Development Inventory* yang dibangunkan oleh Mary E. Arnold, B. D. Nott dan J. L. Meinhold (2012). Instrumen ini telah melalui proses alih bahasa ke dalam Bahasa Melayu bagi memastikan kesesuaian konteks tempatan. Soal selidik mengandungi 48 item yang merangkumi lima konstruk utama pembangunan belia positif. Semua item adalah berbentuk pernyataan positif dan tiada item yang memerlukan proses pengkodan semula (*recode*). Skala pengukuran yang digunakan ialah skala Likert lima mata, iaitu 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Tidak Pasti, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju. Skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap pembangunan belia positif yang lebih tinggi.

Instrumen *Positive Youth Development Inventory* (PYDI) telah diterjemahkan dan diadaptasi ke dalam Bahasa Melayu sebelum digunakan dalam kajian ini. Proses terjemahan dilaksanakan menggunakan kaedah terjemahan dan terjemahan balik (*forward-backward translation*). Versi asal instrumen diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh penterjemah yang menguasai kedua-dua bahasa. Seterusnya, versi Bahasa Melayu diterjemahkan semula ke dalam bahasa asal oleh penterjemah yang berbeza bagi memastikan kesetaraan makna item. Penambahbaikan dibuat berdasarkan cadangan yang diberikan oleh panel pakar sebelum instrumen digunakan dalam kajian sebenar.

Prosedur Pengumpulan Data

Sebelum proses pengumpulan data dijalankan, kebenaran untuk melaksanakan kajian telah diperolehi daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah serta pihak sekolah yang terlibat. Bagi responden yang berumur di bawah 18 tahun, penyertaan mereka adalah tertakluk kepada prosedur yang ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan pihak sekolah yang terlibat. Soal selidik kemudiannya diedarkan kepada responden yang memenuhi kriteria kajian sebagai belia etnik Sama-Bajau di daerah yang terlibat. Sebelum menjawab soal selidik, responden diberikan penerangan mengenai tujuan kajian, prosedur penyertaan, hak mereka sebagai peserta kajian serta jaminan kerahsiaan maklumat yang diberikan. Persetujuan termaklum diperolehi daripada setiap responden sebelum mereka

menyertai kajian. Penyertaan dalam kajian adalah secara sukarela dan responden diberikan kebebasan untuk menarik diri daripada kajian pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Semua data yang dikumpulkan digunakan untuk tujuan penyelidikan sahaja dan dilaporkan secara agregat bagi memastikan identiti responden kekal sulit.

Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 30.0. Ujian kebolehpercayaan dalaman instrumen ditentukan menggunakan pekali Alpha Cronbach bagi menilai konsistensi dalaman item. Seterusnya, analisis Korelasi Pearson dijalankan sebagai bukti awal kesahan konstruk dengan meneliti hubungan antara item, skor konstruk dan skor keseluruhan instrumen. Pendekatan ini digunakan bagi menentukan sejauh mana item-item yang dibina bergerak selari dengan konstruk yang diukur.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Seramai 500 responden yang menjawab soal selidik PYDI-M. Menerusi analisis deskriptif taburan responden terbahagi kepada dua aspek sahaja iaitu umur dan jantina.

Jadual 1: Taburan Responden

Perkara	Kekerapan	Peratusan
Umur		
15-17	312	62.4
18-20	146	29.2
21-25	31	6.2
26-30	11	2.2
Jantina		
Lelaki	201	40.2
Perempuan	299	59.8

Berdasarkan Jadual 1, responden yang paling ramai menjawab soal selidik adalah berusia dalam kalangan 15-17 tahun iaitu seramai 312 orang (62.4%), diikuti dengan responden yang berumur di antara 18-20 tahun iaitu 146 orang (29.2%) dan responden yang berusia di antara 20-25 tahun iaitu seramai 31 orang (6.2%). Manakala responden berumur 26-30 hanya 11 orang (2.2 %) sahaja yang menyertai. Selain itu, responden perempuan seramai 299 orang (59.8%) lebih ramai berbanding responden lelaki iaitu seramai 201 orang (40.2%) sahaja.

Ujian Kebolehpercayaan

Analisis kebolehpercayaan dijalankan bagi menilai konsistensi dalaman keseluruhan instrumen PYDI. Berdasarkan saiz sampel yang besar ($N = 500$), analisis Cronbach's Alpha yang dipaparkan dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa instrumen mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.89

Jadual 2: Ujian Kebolehpercayaan Pembangunan Belia Positif

Item	Cronbach alpha	Bil. Soalan
PYDI-M	0.89	48

Secara keseluruhan, semua item menunjukkan konsistensi dalaman yang baik dan stabil sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 2. Dapatan ini menunjukkan bahawa item-item dalam PYDI adalah homogen dan mengukur konstruk yang dimaksudkan secara konsisten.

Ujian Kesahan Instrumen

Analisis kesahan instrumen dibahagikan mengikut interkorelasi di antara item yang mewakili konstruk dengan nilai keseluruhan untuk konstruk kompetensi, karakter, hubungan, prihatin dan keyakinan. Diikuti dengan analisis setiap nilai konstruk dengan nilai keseluruhan PYDI

Jadual 3: Inter-korelasi di antara Item dan Konstruk Kompetensi

ITEM	PY D1	PY D2	PY D3	PY D4	PY D5	PY D6	PY D7	PY D8	PY D9	PYD 10	PYD 11	PYD 12	PYD 13	PYD 14	Total Kompetensi
PYD1	1	.237**	.257**	.256**	.422**	.215**	.264**	.290**	.255**	.171**	.223**	.076**	.248**	.342**	.516**
PYD2	.237**	1	.394**	.330**	.253**	.118**	.252**	.336**	.246**	.223**	.106**	.140**	.258**	.291**	.532**
PYD3	.257**	.394**	1	.279**	.226**	.172**	.181**	.268**	.209**	.152**	.137**	.095**	.322**	.306**	.482**
PYD4	.256**	.330**	.279**	1	.358**	.207**	.258**	.205**	.200**	.146**	.206**	.039**	.186**	.163**	.470**
PYD5	.422**	.253**	.226**	.358**	1	.271**	.340**	.334**	.299**	.167**	.275**	.066**	.258**	.254**	.558**
PYD6	.215**	.118**	.172**	.207**	.271**	1	.599**	.144**	.110**	.052**	.221**	.051**	.201**	.225**	.480**
PYD7	.264**	.252**	.181**	.258**	.340**	.599**	1	.254**	.160**	.132**	.319**	.017**	.249**	.224**	.537**
PYD8	.290**	.336**	.268**	.205**	.334**	.144**	.254**	1	.489**	.441**	.191**	.120**	.321**	.296**	.596**
PYD9	.255**	.246**	.209**	.200**	.299**	.110**	.160**	.489**	1	.532**	.177**	.067**	.273**	.306**	.540**
PYD10	.171**	.223**	.152**	.146**	.167**	.052**	.132**	.441**	.532**	1	.216**	.069**	.275**	.303**	.497**
PYD11	.233**	.106**	.137**	.206**	.275**	.221**	.319**	.191**	.177**	.216**	1	.065**	.203**	.311**	.480**
PYD12	.076**	.140**	.095**	.039**	.066**	.051**	.017**	.120**	.067**	.069**	.065**	1	.226**	.173**	.479**
PYD13	.248**	.258**	.322**	.186**	.258**	.201**	.249**	.321**	.273**	.275**	.203**	.266**	1	.416**	.584**
PYD14	.342**	.291**	.306**	.163**	.254**	.225**	.224**	.296**	.306**	.303**	.311**	.173**	.173**	1	.584**
Total Kompetensi	.516**	.532**	.482**	.470**	.558**	.480**	.537**	.596**	.540**	.497**	.480**	.479**	.479**	.416**	1

** p<.001, *p<.05

Analisis korelasi Pearson pada Jadual 3 menunjukkan bahawa semua item dalam konstruk Kompetensi mempunyai hubungan positif dan signifikan dengan skor keseluruhan konstruk ($r = .470$ hingga $.596$, $p < .001$). Nilai korelasi berada pada tahap sederhana hingga sederhana kuat, menunjukkan bahawa setiap item menyumbang secara bermakna kepada konstruk kompetensi. Dapatan ini memberikan makna bahawa item-item PYD4-PYD14 menyumbang kepada konstruk kompetensi.

Jadual 4: Inter-korelasi di antara Item dan Konstruk Karakter

ITEM	PYD15	PYD16	PYD17	PYD18	PYD19	PYD20	PYD21	PYD22	PYD23	TOTAL Karakter
PYD15	1	.350**	.262**	.357**	.064	.120**	.152**	.289**	.262**	.547**
PYD16	.350**	1	.305**	.338**	.121**	.060	.150**	.216**	.239**	.561**
PYD17	.262**	.305**	1	.125**	.326**	.215**	.198**	.253**	.161**	.616**
PYD18	.357**	.338**	.125**	1	.015	.098*	.153**	.082	.362**	.496**
PYD19	.064	.121**	.326**	.015	1	.224**	.025	.086	.001	.431**
PYD20	.120**	-.06	.215**	.098*	.224**	1	.331**	.159**	.157**	.534**
PYD21	.152**	.150**	.198**	.153**	.025	.331	1	.298**	.062	.517**
PYD22	.289**	.216**	.253**	.082	.086	.159**	.298**	1	.140**	.540**

Analisis Kebolehpercayaan Dan Kesahan Awal Konstruk Instrumen Pembangunan Belia Positif Dalam Kalangan Belia Sama-Bajau Di Sabah.

PYD23	.262**	.239**	.161**	.362**	.001	.157**	.062	.140**	1	.480**
TOTAL	.547**	.561**	.616**	.496**	.431**	.534**	.517**	.540**	.480**	1

Karakter
** p<.001, *p<.05

Berdasarkan Jadual 4, julat korelasi item dengan konstruk karakter adalah antara .431 hingga .616 ($p < .001$). Semua item berada pada tahap sederhana hingga sederhana kuat dan signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa item-item karakter menyumbang secara bermakna kepada konstruk karakter.

Jadual 5: Inter-korelasi di antara Item dan Konstruk Hubungan

ITEM	PYD24	PYD25	PYD26	PYD27	PYD28	PYD29	PYD30	PYD31	TOTAL Hubungan
PYD24	1	.267**	.214**	.135**	.175**	.342**	.169**	.084	.566**
PYD25	.267**	1	.260**	.224**	.146**	.321**	.116**	.06	.541**
PYD26	.214**	.260**	1	.332**	.395**	.236**	.192**	.182**	.617**
PYD27	.135**	.224**	.332**	1	.263**	.363**	.300**	.172**	.602**
PYD28	.175**	.146**	.395**	.263**	1	.269**	.083	.216**	.561**
PYD29	.342**	.321**	.236**	.363**	.269**	1	.298**	.070**	.643**
PYD30	.169**	.116**	.192**	.300**	.083	.298**	1	.230**	.534**
PYD31	.084	.006	.182**	.172**	.216**	.070**	.230**	1	.413**
Total Hubungan	.566**	.541**	.617**	.602**	.561**	.643**	.534**	.413**	1

** p<.001, *p<.05

Berdasarkan Jadual 5, julat korelasi konstruk hubungan adalah antara .413 hingga .643 ($p < .001$). Semua item menunjukkan hubungan signifikan dengan skor konstruk. Tiada item yang berada pada tahap lemah, menunjukkan kestabilan struktur dalaman konstruk hubungan.

Jadual 6: Inter-korelasi di antara Item dan Konstruk Prihatin

ITEM	PYD32	PYD33	PYD34	PYD35	PYD36	PYD37	PYD38	PYD39	TOTAL Prihatin
PYD32	1	.280**	.264**	.195**	.197**	.280**	.240**	.259**	.564**
PYD33	.280**	1	.364**	.313**	.309**	.234**	.142**	.118**	.581**
PYD34	.264**	.364**	1	.229**	.273**	.148**	.220**	.164**	.563**
PYD35	.195**	.313**	.229**	1	.236**	.278**	.116**	.171**	.561**
PYD36	.197**	.309**	.273**	.236**	1	.236**	.335**	.170**	.615**
PYD37	.280**	.234**	.148**	.278**	.236**	1	.327**	.291**	.603**
PYD38	.240**	.142**	.220**	.116**	.335**	.327**	1	.343**	.584**
PYD39	.259**	.118**	.164**	.171**	.170**	.291**	.343**	1	.558**
TOTAL Prihatin	.564**	.581**	.563**	.561**	.615**	.603**	.584**	.558**	1

** p<.001, *p<.05

Berdasarkan Jadual 6, Konstruk Prihatin menunjukkan julat korelasi paling konsisten (.558 hingga .615, $p < .001$). Kesemua item berada pada tahap sederhana kuat dan menunjukkan keseragaman indikator yang sangat baik. Ini mencerminkan kestabilan psikometrik yang tinggi bagi konstruk prihatin.

Jadual 7: Inter-korelasi di antara Item dan Konstruk Keyakinan

ITEM	PYD40	PYD41	PYD42	PYD43	PYD44	PYD45	PYD46	PYD47	PYD48	TOTAL Keyakinan
PYD40	1	.150**	.225**	.226**	.141**	.114*	.174**	.090*	.038	.456**
PYD41	.150**	1	.187**	.099*	.309**	.116**	.008	.034	.196**	.484**

PYD42	.225	.187**	1	.350**	.362**	.239**	.183**	.082	.092*	.582**
PYD43	.226**	.099*	.350**	1	.389**	.251**	.234**	.331**	.133**	.619**
PYD44	.144**	.309**	.362**	.389**	1	.347**	.174**	.135**	.335**	.675**
PYD45	.114*	.116*	.239**	.251**	.347**	1	.381**	.226**	.317**	.587**
PYD46	.174**	.008	.183**	.234**	.174**	.382**	1	.305**	.224	.509**
PYD47	0.90*	.034	.082	.331**	.135**	.226**	.305**	1	.065	.425**
PYD48	.038	.196**	.092*	.133**	.335**	.317**	.224**	.065	1	.477**
TOTAL	.456**	.484**	.582**	.619**	.675**	.587**	.509**	.425**	.477**	1
Keyakinan										

** p<.001, *p<.05

Berdasarkan jadual 7, julat korelasi konstruk keyakinan adalah antara .425 hingga .675 ($p < .001$). Walaupun terdapat sedikit variasi berbanding konstruk Prihatin, semua item masih berada dalam julat boleh diterima dan signifikan.

Jadual 8: Interkorelasi antara Konstruk dan Keseluruhan PYDI-M

Konstruk	r
Kompetensi	.833**
Karakter	.748**
Hubungan	.727**
Prihatin	.724**
Keyakinan	.764**

** p<.001

Pada Jadual 8, menunjukkan semua nilai korelasi di antara semua konstruk iaitu kompetensi, karakter, hubungan, prihatin dan keyakinan dengan keseluruhan instrumen adalah signifikan pada $p < .001$. Konstruk kompetensi menunjukkan korelasi paling tinggi dengan skor keseluruhan $r = .833$, diikuti oleh konstruk keyakinan $r = .764$. Ini menunjukkan bahawa setiap konstruk menyumbang secara signifikan kepada pembentukan konstruk keseluruhan inventori pembangunan belia positif atau PYDI-M

PERBINCANGAN

Kajian ini menilai kebolehpercayaan dan bukti awal kesahan *konstruk Positive Youth Development Inventory* versi Bahasa Melayu (PYDI-M) dalam kalangan belia Sama-Bajau di Sabah. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan tahap kebolehpercayaan dan kesahan konstruk yang memuaskan dan sejajar dengan kajian terdahulu dalam konteks pembangunan belia. Selain menunjukkan konsistensi dalaman yang tinggi, dapatan ini turut mencadangkan bahawa item-item dalam PYDI-M difahami secara relatif konsisten oleh responden Sama-Bajau walaupun mereka berasal daripada latar budaya yang berbeza daripada populasi yang lazim digunakan dalam kajian PYD. Keadaan ini mungkin dipengaruhi oleh persamaan nilai asas yang terkandung dalam model PYD seperti tanggungjawab, hubungan sosial dan keyakinan diri yang bersifat universal merentas budaya. Dapatan ini juga menyokong pandangan bahawa elemen pembangunan belia positif bukan sahaja relevan dalam konteks Barat, malah turut mempunyai kesesuaian dalam komuniti peribumi yang mengekalkan nilai kolektif dan kekeluargaan yang kuat.

Kebolehpercayaan Instrumen

Nilai Cronbach's alpha keseluruhan bagi PYDI-M ialah .89, menunjukkan konsistensi dalaman yang tinggi. Menurut Tavakol & Dennick (2011), nilai alpha melebihi .80 dianggap baik untuk instrumen psikometrik. Kajian terkini oleh Wang et al. (2021) turut mengesahkan bahawa pekali alpha $> .80$ menunjukkan stabiliti item dalam instrumen pembangunan belia. Konsistensi dalaman yang tinggi ini menyokong kebolehpercayaan PYDI-M walaupun selepas adaptasi budaya dan bahasa dalam

kalangan belia Sama-Bajau, yang mempunyai latar budaya unik dan sering kurang diberi fokus dalam literatur pembangunan belia.

Kesahan Mengikut Konstruk

Konstruk kompetensi menunjukkan julat korelasi $r = .470$ hingga $.596$ ($p < .001$), iaitu hubungan sederhana hingga kuat. Menurut Feldt et al. (2016), nilai korelasi sekitar $.40$ – $.60$ menandakan nilai konstruk yang memadai untuk instrumen psikologi. Kajian oleh Catalano et al. (2019) menegaskan bahawa kompetensi adalah prediktor penting dalam kesejahteraan belia serta penyesuaian sosial dan akademik. Oleh itu, hubungan yang konsisten antara item-item kompetensi dengan skor keseluruhan konstruk menunjukkan bahawa responden bukan sahaja menilai kebolehan diri dari aspek pencapaian peribadi, malah dalam konteks fungsi sosial mereka dalam komuniti. Dapatan ini menunjukkan bahawa konsep kompetensi dalam PYDI-M mempunyai kerelevanan merentas konteks budaya.

Manakala konstruk karakter mencatatkan julat korelasi $.431$ hingga $.616$ ($p < .001$), konsisten dengan penelitian oleh Sun & Shek (2020) yang melaporkan hubungan sederhana hingga kuat antara dimensi karakter dengan kesejahteraan psikososial belia. Kajian oleh Liu et al. (2022) turut menunjukkan bahawa nilai moral dan integriti merupakan asas kepada tingkah laku prososial belia dalam konteks masyarakat yang berbeza budaya. Ini relevan dengan belia Sama-Bajau, di mana norma budaya tradisional dan nilai kekeluargaan tinggi dijangka menyumbang kepada konstruk karakter

Sementara itu konstruk hubungan menunjukkan julat $r = .413$ hingga $.643$ ($p < .001$). Dapatan ini konsisten dengan kajian oleh Lerner et al. (2019) yang mendapati bahawa hubungan sosial yang positif berkait rapat dengan kesejahteraan emosi dan pembangunan belia. Dalam komuniti Sama-Bajau yang mementingkan hubungan kekeluargaan dan sosial, dimensi hubungan ialah komponen penting dalam sistem sokongan perkembangan belia (Shek & Chai, 2020). Dengan kata lain, hubungan kekeluargaan yang rapat serta jaringan sosial yang kuat berkemungkinan menyumbang kepada keseragaman respons terhadap item-item yang mengukur hubungan.

Konstruk prihatin pula menunjukkan julat korelasi $.558$ hingga $.615$ ($p < .001$), iaitu tahap kuat. Wang et al. (2021) menunjukkan bahawa dimensi empati dan keprihatinan sosial berkait signifikan dengan tingkah laku prososial dalam kalangan belia. Dalam konteks masyarakat Sama-Bajau yang berorientasikan komuniti, dimensi caring menonjol sebagai faktor pelindung dan pencetus sumbangan positif terhadap keluarga dan masyarakat.

Akhir sekali adalah konstruk keyakinan menunjukkan julat korelasi $.425$ hingga $.675$ ($p < .001$). Dapatan ini sejajar dengan kajian oleh Shek et al. (2018) yang mendapati bahawa keyakinan diri memainkan peranan penting dalam pembangunan psikologi remaja dan pencapaian matlamat. Dalam komuniti peribumi seperti Sama-Bajau, keyakinan diri mungkin tidak hanya merujuk kepada kepercayaan terhadap kebolehan individu semata-mata, tetapi juga berkait dengan kemampuan menyesuaikan diri dengan perubahan sosial, pendidikan dan ekonomi yang semakin pesat. Oleh itu, hubungan yang signifikan antara item-item keyakinan dengan skor keseluruhan konstruk menunjukkan bahawa dimensi ini kekal relevan walaupun dalam konteks budaya yang berbeza daripada persekitaran asal pembangunan instrument.

Selain itu, semua dimensi menunjukkan korelasi tinggi dan signifikan dengan skor keseluruhan instrumen: kompetensi ($r = .833$), karakter ($r = .748$), hubungan ($r = .727$), prihatin ($r = .724$), dan keyakinan ($r = .764$), $p < .001$. Dapatan ini menunjukkan bahawa kelima-lima dimensi mempunyai hubungan yang signifikan dengan skor keseluruhan pembangunan belia positif dan memberikan sokongan awal terhadap keselarasan konstruk yang diukur oleh PYDI-M.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa PYDI-M mempunyai tahap kebolehpercayaan dalaman yang tinggi serta hubungan yang memuaskan antara item, konstruk dan skor keseluruhan instrumen dalam kalangan belia Sama-Bajau di Sabah. Dapatan ini memberikan

sokongan awal terhadap kesesuaian penggunaan PYDI-M dalam komuniti tersebut. Kajian ini juga menyumbang bukti empirikal awal bahawa konstruk pembangunan belia positif yang diukur melalui PYDI-M mempunyai kerelevanan dalam konteks budaya Sama-Bajau dan berpotensi digunakan dalam penyelidikan serta pembangunan program belia di Sabah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa PYDI-M mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi serta hubungan signifikan antara semua dimensi dengan skor keseluruhan instrumen memberikan sokongan empirikal awal terhadap penggunaan PYDI-M dalam konteks komuniti Sama-Bajau di Sabah.

Dapatan ini menunjukkan bahawa elemen pembangunan belia positif bukan sahaja relevan dalam konteks Barat sebagaimana diujahkan oleh Richard M. Lerner dan rakan-rakan, malah turut signifikan dalam konteks budaya tempatan seperti masyarakat Sama-Bajau. Dalam komuniti yang berteraskan nilai kolektif, kekeluargaan dan solidariti sosial, dimensi hubungan dan prihatin muncul sebagai komponen yang amat bermakna, manakala kompetensi dan keyakinan berperanan sebagai faktor pelindung dalam menghadapi cabaran sosioekonomi dan pendidikan.

Implikasinya, instrumen PYDI-M boleh digunakan sebagai alat penilaian yang sah dan boleh dipercayai untuk merancang intervensi, program komuniti dan dasar pembangunan belia khususnya bagi komuniti Sama-Bajau di Sabah. Kajian ini sekali gus menyumbang kepada pengembangan literatur pembangunan belia positif dalam konteks Asia Tenggara serta memperkukuh kefahaman tentang kekuatan dan potensi belia etnik minoriti dalam kerangka psikologi perkembangan kontemporari.

Kenyataan Persetujuan Termaklum

Saya bagi pihak penulis bersetuju untuk penulisan ini diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Penulis telah memastikan tiada sebarang potensi konflik kepentingan berkenaan dengan penyelidikan, penulisan dan penerbitan artikel ini.

Kenyataan Etika

Saya mewakili pihak penulis lain memaklumkan bahawa penulisan artikel ini adalah memenuhi kaedah penulisan ilmiah yang digariskan dengan menulis semua sumber rujukan yang digunakan sepanjang kajian.

Sumbangan Pengarang

Semua penulis yang terlibat dalam pengumpulan data, analisis data dan penulisan artikel.

Dana/Pembiayaan

Dana pembiayaan dari Geran Universiti Malaysia Sabah, DKP0078.

Pengakuan

Penulisan artikel ini tidak akan dapat dipenuhi tanpa penyertaan semua belia yang terlibat dalam kajian. Kerjasama daripada mereka amatlah dihargai dan diakui oleh penulis.

Kenyataan Ketersediaan Data

Saya mewakili penulis ingin menyatakan bahawa semua data adalah hak milik pengkaji.

Rujukan

- Bowers, E. P., Li, Y., Kiely, M. K., Brittan, A., Lerner, J. V., & Lerner, R. M. (2010). *The Five Cs model of positive youth development: A longitudinal analysis of confirmatory factor structure and measurement invariance*. *Journal of Youth and Adolescence*, 39(7), 720–735. <https://doi.org/10.1007/s10964-010-9530-9>
- Catalano, R. F., Hawkins, J. D., & Fagan, A. A. (2019). *Positive youth development: Theory, research, and applications*. *Journal of Youth Development*, 14(2), 1–12.
- Feldt, L. S., Woodruff, D. T., & Salih, F. A. (2016). *Statistical inference for coefficient alpha*. *Psychological Methods*, 21(1), 213–225.
- García, J., et al. (2025). Assessing positive youth development in Colombia: Cultural adaptation and validation of a PYD scale. *International Journal of Applied Positive Psychology*, 10, 73.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2025). *Current population estimates, Malaysia, 2025*. Department of Statistics Malaysia. <https://www.statistics.gov.my>
- Lerner, R. M., Lerner, J. V., & Phelps, E. (2019). *Positive youth development and thriving through the life span: A longitudinal study*. *Child Development Perspectives*, 13(3), 131–137.
- Liu, J., Shek, D., & Sun, R. C. F. (2022). *Character strengths and prosocial behaviors among adolescents*. *Journal of Adolescence*, 95, 112–123.
- Muhamad, N. S., Ma'rof, A. A., & Abdullah, H. (2024). The impact of positive youth development (5C) on the wellbeing of youth in Selangor, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(8).
- Pivec, T., Kozina, A., & Wium, N. (2023). The development of the 5Cs of positive youth development in a school year: A three-wave longitudinal study. *Frontiers in Psychology*, 14, 982856.
- Salvo, S., et al. (2025). The influence of social determinants and the 5Cs of positive youth development on adolescent mental health. *Journal of Adolescence*.
- Shek, D. T. L., & Chai, W. S. (2020). *Social relationships and adolescent development*. *Journal of Child and Family Studies*, 29(4), 867–879.
- Shek, D. T. L., Ma, H., & Kwong, W. (2018). *Confidence and personal identity in youth development*. *Applied Research in Quality of Life*, 13(2), 421–439.
- Shek, D. T. L., Ma, C. M. S., & Zhu, X. (2022). *Preliminary development of a multidimensional positive youth development scale for young rural and urban adolescents in China*. *Frontiers in Public Health*.
- Sun, R. C. F., & Shek, D. T. L. (2020). *Positive youth development constructs and psychological well-being: A systematic review*. *Frontiers in Psychology*, 11, 373.

- Tavakol, M., & Dennick, R. (2011). *Making sense of Cronbach's alpha*. *International Journal of Medical Education*, 2, 53–55.
- Wang, J., Shek, D. T. L., & Zhu, X. (2021). *Empathy, caring and prosocial behaviors in adolescents*. *Journal of Adolescence*, 87, 133–145.